

# Abdullah ucap takziah kematian Presiden Chechnya

KUALA TERENGGANU 10 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melahirkan rasa sedih dan mengucapkan takziah atas kematian Presiden Chechnya, Akhmad Kadyrov akibat letupan bom di Grozny semalam.

Beliau berkata, walau apa pun alasan berlakunya kejadian tersebut, ia sama sekali tidak menghalalkan sesuatu perbuatan bagi tujuan ganas seperti itu.

"Kita ucap takziah kepada ahli keluarganya dan rakyatnya. Keganasan dalam apa jua bentuk sekali pun tidak boleh dijadikan alasan yang boleh menghalalkannya," katanya.

Namun begitu katanya, sebarang tindak balas yang mungkin diambil oleh Moscow bagi memerangi penganas yang dikaitkan dalam pengeboman itu perlu mengamhil kira kesan yang akan turut dirasai oleh masyarakat umum.

Beliau mengulas kejadian letupan di sebuah stadium yang dipenuhi penonton di Grozny sehingga menyebabkan kematian Akhmad serta sekurang-kurangnya 32 yang lain, manakala 46 lagi mangsa yang berada di situ bagi meraikan sambutan Hari Kemenangan cedera parah.

Letupan tersebut dipercayai berpunca daripada

da sebuah periuk api yang diletakkan di bawah kerusi untuk tetamu penting.

Abdullah berkata, Malaysia akan terus bersama-sama negara lain yang menolak tindakan keganasan seperti itu serta berusaha mencari jalan bagi mengekang tindakan yang sama daripada berulang.

Beliau berkata, usahajuga perlu diambil bagi mengenal pasti punca bagaimana keganasan seperti itu berlaku dan mencari pendekatan terbaik menanganinya.

"Kita bersama-sama negara lain menolak dan membenci keganasan dan kita perlu mencari apa jua jalan terbaik untuk mengekang keganasan dan mengenal pasti punca keganasan.

"Satu pendekatan yang penting ialah memahaminya dan mungkin kita dapat mencari penyelesaian sebaiknya untuk mengatasi," ujar beliau.

Perdana Menteri berkata, jika Moscow mengambil apa-apa tindakan berhubung kejadian itu bagi menghukum pihak yang bertanggungjawab, ia juga perlu mengambil kira kesannya secara menyeluruh kepada masyarakat.